



**CUCI...**seorang penduduk, Ahmad Tajudin Ismail mengeluarkan air dari rumahnya di Kampung Sepakat.



**REDAH...**penduduk terpaksa mengharung air untuk pulang ke rumah.

# 10 kereta tenggelam

METRO 20/11/2006

## Gombak dilanda banjir kilat semalam

>>Oleh Mohd Jamilul Anbia  
Md Denin

anbia@hmetro.com.my

**G**OMBAK: Lebih 10 kereta milik penduduk di Kampung Sepakat, Taman Berlian dan Greenwoods, di sini tenggelam dan gagal diselamatkan apabila banjir kilat tiba-tiba melanda kawasan itu dalam tempoh kurang 10 minit.

Dalam kejadian jam 6 petang semalam, hujan lebat sekitar ibu kota menyebabkan kawasan terabit dinaiki air banjir setinggi paras lutut orang dewasa.

Seorang penduduk, Monalisa Nordin, 27, berkata, kejadian banjir kilat itu kali kedua dalam tempoh sebulan selepas banjir pertama pada 1 November lalu.

Menurutnya, banjir berkenaan menyebabkan lebih 100 rumah penduduk dimasuki air hingga memusnahkan perabot dan pelbagai peralatan elektrik.

"Banjir petang semalam turut menyebabkan sebuah ambulans milik Persatuan Bulan Sabit Me-

rah (PBSM) tenggelam.

"Sebagai penduduk, saya sudah beberapa kali membuat aduan kepada pihak yang bertanggungjawab namun masalah hampir 25 tahun ini seolah-olah tiada jalan penyelesaian," katanya.

Menurutnya, banjir berkenaan berpunca dari sistem pengaliran longkang yang sempit selain kedudukan Kampung Sepakat yang rendah berbanding taman perumahan di sekitarnya.

"Setiap kali banjir, kami tidak hanya terpaksa membasuh semula lantai yang diselaputi lumpur, malah terpaksa menggunakan baldi membuang air yang bertakung di dalam rumah.

"Apa yang menyedihkan kebanyakan penduduk di kampung ini adalah dari golongan berpendapatan rendah dan banjir ini pastinya akan lebih menyusahkan mereka," katanya.

Menurutnya, Adun Gombak Setia, Yuszahari Yusuf sebelum ini melawat situasi banjir di kawasan terabit awal November lalu.